

KATA KERJA PREDIKAT KAUSATIF PENYEMPURNAAN PERALIHAN MILIK: ANALISIS TEORI TATABAHASA PERANAN DAN RUJUKAN

PREDICATE CAUSATIVE “PENYEMPURNAAN PERALIHAN MILIK” VERBS: ANALYSIS THEORY OF ROLE AND REFERENCE GRAMMAR

Burhan Murshidi Baharon^{1*}

Sharil Nizam Sha’ri²

¹ Burhan Murshidi Baharon: Learning Institute for Empowerment (LIfE), Multimedia University, Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Bukit Beruang, Melaka, Malaysia

(E-mail: burhan.murshidi@mmu.edu.my)

² Sharil Nizam Sha’ri: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43000 Serdang, Selangor (E-mail: sharil@upm.edu.my)

*Corresponding author: burhan.murshidi@mmu.edu.my

Article history

Received date : 5-7-2025

Revised date : 6-7-2025

Accepted date : 20-8-2025

Published date : 29-8-2025

To cite this document:

Baharon, B. M., & Sha’ri, S. N.. (2015). Kata kerja predikat kausatif penyempurnaan peralihan milik: Analisis teori tatabahasa peranan dan rujukan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 101 - 112.

Abstrak: Makalah ini bertujuan membincangkan analisis bagi predikat kausatif penyempurnaan peralihan milik dan struktur logik yang berhasil bagi kata kerja penyempurnaan peralihan milik dalam bahasa Melayu. Analisis struktur logik dengan menggunakan pendekatan Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan atau Role and Reference Grammar (RRG) diteliti secara ilmiah dalam kajian ini. Selain itu, teori ini dapat memberi kesahihan bagi data-data yang diperoleh oleh pengkaji. Di samping itu, predikat kausatif penyempurnaan peralihan milik dapat difahami sebagai faktor atau punca bagi kata kerja yang berlaku dan menabirkkan sesuatu yang baharu. Sehubungan dengan itu, kata kerja penyempurnaan peralihan milik ini memerlukan secara terperinci bahawa terjadi juga ketiadaan imbuhan meN-...-kan, meN-...-i, dan -kan bagi menunjukkan ciri-cari menyebabkan terhadap predikat kausatif penyempurnaan peralihan milik. Oleh itu, kata kerja yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah Kata Kerja Peralihan Milik yang mempunyai imbuhan awalan meN- seperti memberi, menderma, menjual, menyumbang, menyerahkan, mengirim, menghulurkan dan mengepos. Data yang dianalisis dalam kajian ini diambil daripada ayat yang dibina sendiri oleh pengkaji sendiri. Data yang telah dikumpulkan ini dicerakinkan dan dianalisis menggunakan Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan atau Role and Reference Grammar (RRG).

Kata Kunci: Predikat Kausatif, Kata Kerja Penyempurnaan, Teori Role and Reference Grammar (RRG), Struktur Logik, Bahasa Melayu

Abstract: This study investigates causative predicates of transfer-of-possession accomplishment verbs in Malay within the framework of Role and Reference Grammar (RRG). The analysis seeks to elucidate their logical structures and establish theoretical validation for the data, which comprise researcher-constructed sentences. Findings indicate that these verbs, typically marked by the meN- prefix. For example, memberi, menderma, menjual, menyumbang, menyerahkan, mengirim, menghulurkan, mengepos), often lack the causative affixes -kan or -i. This absence underscores unique morphological patterns in expressing causativity. Through RRG analysis, the study highlights how these predicates function as initiating factors that bring about new states, offering insights into the interplay between syntax, semantics, and morphology in Malay.

Keywords: Role and Reference Grammar, causative, accomplishment, Malay language, predicate.

Pendahuluan

Menurut (Karim et al., 2015) golongan kata kerja merangkumi sejumlah perkataan yang dapat menjadi unsur inti dalam binaan frasa kerja. Golongan kata kerja dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Kata kerja tak transitif terbahagi kepada kata kerja tak transitif tak berpelengkap dan kata kerja tak transitif berpelengkap. Kata kerja transitif dapat pula dibahagikan kepada kata kerja transitif yang wujud dalam ayat aktif dan kata kerja transitif yang wujud dalam ayat pasif.

Pembahagian kata kerja mengikut makna leksikal telah dilakukan dalam kalangan ahli tatabahasa bahasa Melayu, antaranya (Haji Omar, 2015). Selain meninjau kata kerja berdasarkan fungsi nahanan kata kerja, beliau turut melihat makna leksikal, yakni berdasarkan makna yang dibawa oleh kata kerja itu sendiri. Menurutnya, kata kerja digolongkan kepada dua subsistem, iaitu kata kerja perbuatan yang mempunyai gerak dinamik atau proses dan kata kerja statif atau keadaan yang tidak mempunyai gerak. Selanjutnya, (Yusof et al., 2008a) dan (Yusof et al., 2011) pula mengelaskan kata kerja dalam bahasa Melayu berdasarkan aspek situasi dan membahagikan kata kerja atau predikat bahasa Melayu kepada keadaan, pencapaian, penyempurnaan, aktiviti, aktif penyempurnaan, semelfaktif dan versi kausatif bagi setiap kelas kata kerja. Kesemua kelas kata kerja ini diklasifikasikan dengan merujuk satu set ujian sintaksis dan semantik seperti yang dianjurkan dalam Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan.

Menurut (Vendler, 1967a) membincangkan dan mengembangkan klasifikasi kerjaan (Vendler, 1967b) yang dikenali sebagai Kelas *Aktionsart*, kepada empat kelas berbeza berdasarkan penaabiran logik, interaksi dengan penerang temporal dan interaksi dengan kala. Keempat-empat klasifikasi tersebut ialah keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan. Kelas *Aktionsart* memberi perhatian kepada ciri hakiki temporal bagi kata kerja, iaitu keterbatasan (\pm titik penamat), jangka masa (\pm ketepatan masa) dan kedinamikan (\pm statik). Melalui kriteria ini, aktiviti, pencapaian, dan penyempurnaan ialah [-statik] manakala kata kerja keadaan ialah [+statik]. Kata kerja keadaan dan aktiviti adalah tidak bertitik penamat. Oleh itu, pencapaian ialah tepat masa sementara penyempurnaan tidak. Keadaan dan aktiviti [-titik penamat] secara definisinya melibatkan tempoh masa, oleh itu kedua-duanya sentiasa [-ketepatan masa].

Permasalahan Kajian

Kebanyakan kata kerja kausatif dalam bahasa Melayu ditandai dengan morfem *meN-kan*, dan *-kan* untuk membawa erti ‘menyebabkan’ menjadi. Hal ini telah dikemukakan oleh (Onn,

1976) iaitu akhiran *-kan* merupakan salah satu bentuk imbuhan yang membentuk kata kerja transitif dan membawa dua pengertian khusus, misalnya pengertian kausatif. Sebagai contoh, kelas kata kerja penyempurnaan **cair** dapat menerima imbuhan apitan meN-...-kan menjadi **mencairkan, serah** menjadi **menyerahkan** dan sebagainya.

Selain itu, kausatif *meN-kan* juga merupakan sebahagian daripada bentuk kausatif dalam bahasa Melayu (Mohammad, 2004). Malah beliau mendapati bahawa tidak semua imbuhan tersebut bersifat kausatif. Banyak kajian telah dilakukan dalam menganalisis mengenai kausatif. Namun, kebanyakan kajian hanya menganalisis secara keseluruhan. Dengan itu kajian ini dijalankan untuk memfokuskan predikat kausatif penyempurnaan peralihan milik dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, kajian ini juga dilakukan bagi memberi pendedahan unsur kausatif yang lain bagi predikat kausatif penyempurnaan tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa kata kerja kausatif penyempurnaan peralihan milik yang berimbuhan awalan *meN-* boleh membawa makna kausatif.

Objektif Kajian

Antara objektif dalam kajian ini adalah mendeskripsikan Kata Kerja Kausatif Penyempurnaan Peralihan Milik dalam bahasa Melayu. Objektif kedua adalah menganalisis struktur logik Kata Kerja Kausatif Penyempurnan Peralihan Milik dalam bahasa Melayu berdasarkan Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan.

Metodologi

Pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data dalam mendapatkan maklumat kajian. Kaedah ini merangkumi kajian dan analisis isi kandungan melalui kajian kepustakaan dan data kendiri. Kajian kepustakaan merupakan salah satu teknik pengumpulan data primer dan sekunder. Data primer adalah penyelidikan melalui kajian ke atas dokumen-dokumen dan rekod-rekod asal yang masih belum dilakukan sebarang pembukuan oleh penulis kedua. Manakala data sekunder adalah melalui rujukan buku, jurnal, dan bahan yang berkaitan.

Kajian kepustakaan adalah lebih berkesan kerana bahan-bahan ini dapat dikumpulkan dengan cepat, tepat, dan mempunyai kebolehpercayaan. Kaedah ini adalah satu kaedah penelitian yang sistematis dalam mencari dan mendapatkan bahan-bahan dan bukti-bukti berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data melalui kajian kepustakaan ini antaranya boleh didapati di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Fakulti Pengajian Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.

Proses atau kaedah pengumpulan data ini akan bermula dengan pembacaan, perbandingan, penterjemahan, dan catatan-catatan yang diperoleh dari pelbagai jurnal, artikel, kertas kerja, tesis, dan sebagainya. Selain itu pengkaji juga mendapatkan maklumat data melalui data sendiri. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis data yang dikumpul untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat yang diperoleh. Kaedah analisis data ini turut digunakan dalam menilai dan mengkaji masalah-masalah isu yang berkaitan dengan kajian.

Pencarian melalui laman sesawang juga digunakan oleh penulis sebagai sumber maklumat. Laman sesawang yang sah dan kandungan maklumat yang tidak diragui akan digunakan sebagai sumber rujukan sama ada dari segi maklumat bertulis ataupun gambar yang berkaitan dengan kajian. Sumber sah ini melibatkan penggunaan artikel atau jurnal digital, laman kerajaan, dan kertas laporan. Selain itu, pautan-pautan laman web yang mana melibatkan hasil kajian berautoriti juga digunakan untuk mendapatkan data-data terkini.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan adalah untuk memberi penjelasan penggunaan yang jelas mengenai predikat kausatif berdasarkan kajian lepas dan tatabahasa dewan yang terkini. Selain itu, dapatan kajian ini dapat menjadi kepentingan kepada generasi akan datang sebagai bahan rujukan terutamanya bagi mereka yang mengkaji dalam bidang berkenaan. Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pembaca tentang kegunaan yang betul. Di samping itu, kesedaran dapat ditüpkan ke dalam diri pembaca apabila mereka membaca dan memahami penulisan kajian ini. Lebih khusus lagi kajian ini dapat memberi jalan penyelesaian bagi pelajar-pelajar mengenai penggunaan predikat kausatif yang baik dan betul. Selain itu, meningkatkan pengusaan mengenai predikat kausatif lebih mantap lagi hebat dalam kalangan mereka tersebut.

Kajian ini penting dijalankan kerana dapatan kajian ini mampu menyumbang kepada pemikiran masyarakat luar mengenai kegunaan predikat kausatif yang sesuai, betul dan tidak diragui oleh mana-mana pihak. Kajian ini juga penting dalam memberi gambaran dan mengenal pasti terhadap kegunaannya. Kajian ini berfokuskan kepada perbahasan mengenai kesalahan guna predikat kausatif, cara atau jalan untuk menyelesaikan, dan sebagainya.

Di samping itu, kajian ini juga dapat memantapkan penjelasan tentang predikat kausatif dan menambahkan kefahaman terhadap pengkaji sendiri. Namun begitu, perkara yang lebih penting adalah kajian ini dapat menjadi sumbangan dalam menyelesaikan pertikaian tentang kegunaan predikat kausatif tersebut. Penulis lebih cenderung untuk membuat kajian perpustakaan dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan dan membentangkan cara yang sebenar bagi predikat ini. Menurut penulis, kajian ini adalah sangat penting untuk dijalankan supaya penulisan ini nanti dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat luar khususnya pelajar-pelajar yang mengalami kelemahan terhadap predikat ini.

Sorotan Literatur

Kajian (Yusof et al., 2011) yang bertajuk Analisis Semantik Preposisi Daripada dan Hubungannya dengan Kata Kerja ini akan menunjukkan kepelbagaiannya peraan preposisi daripada yang berkolokasi dengan kata kerja yang muncul bersamanya dalam klausa. Di samping itu, kajian ini juga akan menunjukkan bahawa preposisi **daripada** berperanan sebagai kausatif (penyebab). Justeru, kajian ini akan menunjukkan fungsi preposisi **daripada** bukan sahaja menunjukkan sumber bagi transisi tetapi juga menunjukkan maksud kausatif.

Hasil kajian menunjukkan bahawa preposisi **daripada** dan **kepada** mengungkapkan hubungan peralihan sama ada peralihan milik dan peralihan maklumat. Berdasarkan komponen ini, maka preposisi ini dianggap sebagai preposisi dinamik. Secara keseluruhan, preposisi ini hadir bersama kata kerja kausatif penyempurnaan iaitu peralihan milik (memberi/mengambil), kata kerja kerja presepsi (menunjukkan/ melihat/ memberitahu/ mendengar) dan kognisi (mengetahui) (Yusof, 2021). Fungsi preposisi **daripada** adalah untuk menunjukkan hubungan sumber bagi peralihan atau transisi bagi kata kerja **mengambil, membeli, mendapatkan** dan **menerima**. Fungsi ini juga bersamaan dengan preposisi **kepada** yang menunjukkan peralihan milik apabila hadir bersama kata kerja **memberi, menyerahkan** dan **menjual**. Selain itu, kata kerja seperti **memberi** dan **menyerahkan** boleh digolongkan dalam “transisi pemilikan” yang berhubungan dengan preposisi kepada manakala kata kerja seperti **mengambil, menerima** dan **mencuri** pula digolongkan sebagai “transisi ketidakmilikan” berhubungan dengan preposisi **daripada** (Yusof, 2009a).

Selain itu, preposisi **daripada** juga hadir dalam kata kerja penyempurnaan kategori pemulihan seperti sembah (daripada) atau sedar (daripada) contohnya dalam ayat Ali sembah daripada penyakitnya atau Ali tersedar daripada termanggu. Preposisi daripada yang hadir bersama kata kerja penyempurnaan keadaan ini tidak membawa hubungan kausatif sebagaimana di atas. Oleh yang demikian, bagi kata kerja penyempurnaan seperti sembah dan sedar, susulan peristiwanya adalah terpisah (Yusof, 2006a).

Akhir sekali, selain kemunculan preposisi daripada bersama kelas kata kerja kausatif penyempurnaan “ketidakmilikan”, transformasi dan pemulihan, preposisi daripada juga muncul dengan dua kelas kata kerja lain iaitu kata kerja pencapaian yang mempunyai sebahagian makna penyempurnaan contohnya seperti belajar daripada dan kata kerja keadaan yang mempunyai sebahagian makna penyempurnaan seperti mengetahui atau mendapat tahu dan mendengar.

Kesimpulannya, analisis kajian mendapati bahawa preposisi daripada menunjukkan dua jenis hubungan iaitu sebagai sumber peralihan milik, transformasi dan pemulihan. Selain itu, preposisi yang hadir bersama kata kerja ini membawa peranan sebagai sumber dan penghubung antara dua keadaan. Malah, preposisi ini juga menjadi sebahagian daripada kandungan semantik kata kerja penyempurnaan kausatif. Dengan fungsi ini maka preposisi ini dianggap sebagai bukan predikatif. Preposisi ini juga membawa peranan sebagai anteseden-konsekuensi khususnya jika hadir bersama dengan kata kerja kognisi seperti mendengar dan mendapat tahu. Oleh yang demikian, secara fizikal atau makna literalnya, preposisi daripada membawa peranan sumber tetapi melalui sistem dekomposisi leksikal yang membawa maksud kausatif. Dalam kata kerja kausatif penyempurnaan “ketidakmilikan”, peranan kausatif ditunjukkan melalui kata kerja tersebut manakala apabila preposisi daripada muncul bersama kata kerja keadaan dan pencapaian, preposisi daripada menghubungkan antara sebab dan penyebabnya.

Kajian yang dijalankan oleh (Yusof, 2006b) ini merupakan sebuah kajian untuk memperoleh ijazah doktor falsafah. Kajian yang dilakukan bertajuk “Struktur Leksikal dalam Sintaksis dan Semantik: Kajian terhadap Kata Kerja dan Preposisi Bahasa Melayu”. Penelitian kajian menjurus kepada aspek kata kerja dan preposisi bahasa Melayu dari sudut sintaksis dan juga Semantiknya. Dalam menganalisis dapatan kajian, beliau telah menyarankan supaya pengelasan baharu dibuat melibatkan kata kerja bahasa Melayu yang disandarkan kepada representasi dekomposisi kelas aktionsart. Berdasarkan hasil kajian beliau mendapati sebahagian daripada kandungan semantik kata kerja iaitu kategori kata kerja penyempurnaan kausatif. Dengan fungsi ini maka preposisi ini dianggap sebagai bukan predikatif. Preposisi juga membawa peranan sebagai *anteseden-konsekuensi* khususnya jika hadir bersama dengan kata kerja kognisi seperti mendengar dan mendapat tahu. Oleh yang demikian, secara fizikal atau makna literalnya, preposisi membawa kepada peranan sumber tetapi melalui sistem dekomposisi leksikal ianya membawa maksud kausatif. Dalam kata kerja kausatif penyempurnaan “ketidakmilikan” peranan kausatif ditunjukkan melalui kata kerja tersebut manakala apabila preposisi daripada muncul bersama kata kerja keadaan dan pencapaian, preposisi daripada menghubungkan antara sebab dan penyebabnya.

Menurut kajian (Yusof et al., 2008b) yang bertajuk ‘Pengelasan Kata Kerja Bahasa Melayu: Pendekatan Semantik Berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG)’ ini mencuba melihat sifat semantik kata kerja bahasa Melayu. Oleh yang demikian, untuk mengetahui sifat dan tingkah laku sesuatu kata kerja, perkara ini boleh ditentukan melalui makna kata tersebut. Representasi makna kata kerja akan akan ditunjukkan melalui konsep semantik teori RRG oleh (Valin, 2005a) dan (Kivinen & Pollari, 2018). Menurut (Yusof et al., 2013) menggunakan data

korpus bahasa Melayu dalam menganalisis data dalam kajian beliau. Kajian ini mengguna pakai lima kelas kata kerja iaitu kelas kata kerja keadaan, aktiviti, pencapaian, penyempurnaan, aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap kata kerja.

Data yang dianalisis menggunakan enam ujian diagnostik iaitu hadir dengan progresif sedang, hadir dengan adverba kesemangatan, hadir dengan adverba kadar, hadir dengan preposisi selama sejam, hadir dengan preposisi dalam masa sejam dan ujian parafrasa kausatif. Berikut merupakan contoh data yang dikaji bagi melihat hadir dengan preposisi selama sejam ‘**Mirza tidur selama sejam**’ (keadaan), ‘#gelas itu hancur berderai selama sejam’ (pencapaian) ‘**salji itu cair selama sejam**’ (penyempurnaan) ‘**budak itu berlari ke padang selama sejam**’ (aktif penyempurnaan). Berdasarkan ujian (Bustaman & Yusof, 2011) beliau menyifatkan bahawa preposisi selama sejam boleh hadir dengan semua kelas kata kerja kecuali pencapaian.

Walaupun keenam-enam ujian tersebut dapat membezakan kelas kata kerja bagi predikat bahasa Melayu, namun ujian-ujian tersebut tidak sempurna kerana bukan enam ujian ini boleh digunakan untuk semua penginterpretasian kata kerja. Kesimpulannya, makalah ini telah mengutarakan satu set kemungkinan-kemungkinan ujian-ujian sintaksis untuk mengenal pasti dan membezakan kelas kata kerja dalam bahasa Melayu berdasarkan kelas *Akstionsart*, iaitu kelas yang berdasarkan ciri-ciri aspek inheren. Bahasa Melayu juga di buktikan mempunyai kelas kata kerja yang berdasarkan ciri semantik kata kerja tersebut, iaitu di bahagikan kepada 10 jenis yang terdiri dari pada empat kelas asas (keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan): satu kelas aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap kata kerja. Pengelasan kata kerja berdasarkan ciri inheren sesuatu kata kerja itu boleh memperlihatkan perkongsian perilaku sesuatu kata kerja dan seterusnya dapat meramalkan sifat sintaksis kata kerja itu.

Menurut (Yusof, 2009b) menjelaskan kajian beliau yang bertajuk Fungsi Frasa Preposisi Predikatif Lawan Non-Predikatif bahawa frasa preposisi yang hadir dalam ayat tidak terbatas sebagai keterangan sahaja, tetapi frasa preposisi mempunyai fungsi yang lebih luas. Perkara yang dikemukakan adalah ada preposisi yang menjadi predikat kepada klausanya dan ada preposisi yang menjadi argumen kepada kata kerja dalam klausa tersebut.

Dalam kajian beliau akan memberi perhatian kepada tiga cara membezakan fungsi preposisi iaitu preposisi penandaan argumen, preposisi adjung dan preposisi argumen-adjung berdasarkan kerangka teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan.

Hasil kajian dapat disimpulkan bahawa fungsi preposisi bahasa Melayu dalam ayat tidak terbatas kepada fungsi keterangan adverba (adjung) sahaja. Preposisi boleh dibahagikan kepada tiga fungsi iaitu sebagai penandaan argumen, sebagai adjung dan argumen-adjung. Antara inti pati yang menarik, kepelbagaian fungsi yang dibawa oleh sesuatu preposisi itu diwakili oleh struktur semantik yang sama. Fungsi preposisi sebagai argumen adalah apabila muncul sebagai sebahagian daripada argumen kata kerja. Preposisi berfungsi sebagai adjung apabila ia berfungsi sebagai predikat dan objek bagi preposisi ini tidak berkaitan dengan makna kata kerja. Satu lagi fungsi preposisi yang belum dibincangkan oleh penahu terdahulu ialah fungsi argumen-adjung. Fungsi ini dianggap sebagai separuh predikatif kerana memiliki ciri argumen dan ciri sebagai adjung. Preposisi ini muncul sebagai predikatnya sendiri dan pada masa yang sama berkongsikan argumennya dengan SL kata kerja. Kedua-dua fungsi adjung dan argumen-adjung dilabelkan sebagai predikatif manakala fungsi penandaan argumen dilabelkan sebagai non-predikatif.

Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan

Teori Peranan dan Rujukan (TPR) mengambil dan mengadaptasikan sistem dekomposisi leksikal (decomposition lexical) yang dicadangkan oleh Dowty (1979) berdasarkan klasifikasi kata kerja Vendler (1967). Vendler mengklasifikasikan kata kerja kepada keadaan, pencapaian, aktiviti dan penyempurnaan. Sehubungan itu, klasifikasi tersebut yang dikenali sebagai Aktionsart bukan sahaja sesuai untuk kata kerja bahasa Inggeris, namun juga sesuai untuk kata kerja bahasa yang lain misalnya bahasa Melayu (De Chene & Anderson, 1979).

Kelas *Aktionsart* seperti yang dianjurkan oleh Van Valin & LaPolla (1997) terdiri daripada kata kerja keadaan, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktiviti, kata kerja aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap kelas kata kerja tersebut memberi perhatian kepada ciri hakiki temporal bagi kata kerja iaitu keterbatasan atau *boundedness* (+titik penamat), jangka masa atau *durativeness* (+ketepatan waktu) dan kedinamikan (+statik) (Valin, 2005b). Ringkasan bagi ciri-ciri ini ditunjukkan di bawah.

Jadual 1: Kelas Aktionsart

Kelas Aktionsart	Statik	Dinamik	Titik Penamat	Ketepatan Masa
Keadaan	+statik	-dinamik	-titik penamat	-ketepatan masa
Pencapaian	-statik	-dinamik	+titik penamat	+ketepatan masa
Penyempurnaan	-statik	-dinamik	+titik penamat	-ketepatan masa
Aktiviti	-statik	+dinamik	-titik penamat	-ketepatan masa
Aktif penyempurnaan	-statik	+dinamik	+titik penamat	-ketepatan masa

Sumber: Maslida Yusof

Teori tersebut mengaplikasikan ujian sintaksis dan semantik yang dibincangkan oleh Dowty (1979) untuk membezakan keempat-empat kata kerja ini. Ujian untuk menentukan kelas *Aktionsart* adalah seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Ujian Penentuan Jenis Aktionsart

Kriteria	Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif Penyempurnaan
Hadir dengan progresif ‘sedang’	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya
Hadir dengan Adverb ‘dengan penuh semangat’	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan adverb ‘dengan perlahan’	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya
Hadir dengan frasa ‘selama sejam’	Ya	Tidak	Tidak berkaitan	Ya	Tidak berkaitan
Hadir dengan frasa ‘dalam masa sejam’	Tidak	Tidak	Ya	Tidak	Ya

Sumber: Maslida Yusof

Selain itu, setiap kata kerja dalam kelas *Aktionsart* boleh menerima unsur kausatif. Menurut (Pavey, 2010) predikat kausatif sebagai sebahagian daripada makna inheren yang menjadi menyebabkan sesuatu kata kerja itu terjadi atau berlaku. Hal ini turut menjadikan kata kerja penyempurnaan boleh menerima kausatif dan dikenali sebagai predikat kausatif penyempurnaan. Jadual 3 menunjukkan ujian untuk menentukan unsur kausatif bagi kelima-lima kelas kata kerja tersebut:

Jadual 3: Ujian Penentuan Unsur Kausatif dalam Kelas Kata Kerja

Kriteria	Kausatif Keadaan	Kausatif Pencapaian	Kausatif Penyempurnaan	Kausatif Aktiviti	Kausatif Aktif Penyempurnaan
Hadir dengan progresif ‘sedang’	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya
Hadir dengan Adverb ‘dengan penuh semangat’	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan adverb ‘dengan perlahan’	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya
Hadir dengan frasa ‘selama sejam’	Ya	Tidak	Tidak Berkenaan	Tidak	Tidak Berkenaan
Hadir dengan frasa ‘dalam masa sejam’	Tidak	Ya	Ya	Tidak	Ya
Kehadiran parafrasa kausatif	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya

Sumber: Maslida Yusof

Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi pengelasan kata kerja penyempurnaan kepada pengelompokan Kata Kerja Peralihan Milik. Kata kerja ini bermaksud sesuatu objek atau perkara yang bertukar kepemilikan daripada ada menjadi kepada tiada atau sebaliknya. Justeru, kata kerja ini dilihat sudah membawa makna kausatif dalam bahasa Melayu tanpa perlu menggunakan imbuhan meN-kan dan -kan.

Dapatan Kajian

Data yang terpilih untuk dianalisis dan ditunjukkan struktur logiknya hanya lapan data yang dipilih iaitu data yang mengandungi Kata Kerja Penyempurnaan Peralihan Milik yang membawa unsur kausatif dengan imbuhan awalan meN- dan meN-kan sahaja. dipilih. Hal demikian kerana didapati kata kerja ini boleh membawa maksud ‘menyebabkan’ menjadi dan menabirkkan kesan bagi kata kerja tersebut.

Jadual 4: Data Pertama dan Struktur Logik Memberi

Data dan Struktur Logik

Aminah sedang memberi baju kepada neneknya.

[melakukan’(Aminah, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI mempunyai’ (neneknya,baju)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 5: Data Kedua dan Struktur Logik Mendermakan

Data dan Struktur Logik

Alisa mendermakan darah kepada pihak hospital.

[“melakukan” (Alisa, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (pihak hospital, darah)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 6: Data Ketiga dan Struktur Logik Menjual

Data dan Struktur Logik

Ali menjual kasut kepada kawannya.

[“melakukan” (Ali, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (kawannya, kasut)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 7: Data Keempat dan Struktur Logik Menyerahkan

Data dan Struktur Logik

Ibu menyerahkan adik kepada nenek.

[“melakukan” (Ibu, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (nenek, adik)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 8: Data Kelima dan Struktur Logik Mengirim

Data dan Struktur Logik

Amira mengirim sepucuk surat kepada Aishah.

[“melakukan” (Amirah, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (Aishah, surat)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 6: Data Keenam dan Struktur Logik Menyumbangkan

Data dan Struktur Logik

Ayah menyumbang dana untuk Palestin.

[“melakukan” (Ayah, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (Palestin, dana)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 7: Data Ketujuh dan Struktur Logik Menghulurkan

Data dan Struktur Logik

Muhammad menghulurkan wang kepada pengemis itu.

[“melakukan” (Muhammad, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (pengemis, wang)]

Sumber: Maslida Yusof

Jadual 6: Data Kelapan dan Struktur Logik Mengepos

Data dan Struktur Logik

Orang ramai mengepos barang lebih awal untuk mengelakkan kelewatan penerimaan.

[“melakukan” (Orang ramai, Ø] MENYEBABKAN [MENJADI “mempunyai” (penerima, barang)]

Sumber: Maslida Yusof

Perbincangan

Berdasarkan data pertama, kata kerja penyempurnaan “memberi” telah menyebabkan neneknya mendapat baju daripada pelaku iaitu Aminah. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang menjadi kesan kepada kata “memberi”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja pemyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Aminah menyebabkan neneknya mendapat baju” dan “Neneknya menyebabkan Aminah tidak mempunyai baju”.

Selain itu, data kedua, menunjukkan kata kerja penyempurnaan “mendermakan” telah menyebabkan pihak hospital memiliki darah yang diperoleh daripada Alisa. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata “mendermakan”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Alisa yang menyebabkan pihak hospital mendapat darah” dan “Pihak hospital yang menyebabkan Alisa tidak mempunyai darah”.

Data ketiga pula menunjukkan kata kerja penyempurnaan “menjual” telah menyebabkan kawannya memiliki kasut yang diperoleh daripada Ali. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata “menjual”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Ali yang menyebabkan kawannya mendapat kasut” dan “Kawannya yang menyebabkan Ali tidak mempunyai kasut”.

Selain itu, data keempat menunjukkan kata kerja penyempurnaan “menyerahkan” telah menyebabkan nenek memiliki adik yang diperoleh daripada ibu. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata “menyerahkan”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Ibu yang menyebabkan nenek mempunyai adik” dan “Nenek yang menyebabkan ibu tidak mempunyai adik”.

Data kelima pula menunjukkan kata kerja penyempurnaan “mengirim” telah menyebabkan Aishah memiliki surat yang diperoleh daripada Amira. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberikan kesan kepada kata “mengirim”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja Penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif

boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Amira yang menyebabkan Aishah mendapat surat” dan “Aishah yang menyebabkan Amira tidak mempunyai surat”.

Selain itu, data keenam menunjukkan kata kerja penyempurnaan “menyumbang” telah menyebabkan Palestin memiliki dana yang diperoleh daripada ayah. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata “menyumbang”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Ayah yang menyebabkan Palestin mendapat dana” dan “Palestin yang menyebabkan ayah tidak mempunyai dana”.

Data ketujuh pula menunjukkan kata kerja penyempurnaan “menghulurkan” telah menyebabkan pengemis itu memiliki wang yang diperoleh daripada Muhamad. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata “menghulurkan”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja Penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Muhamad yang menyebabkan pengemis itu mendapat wang” dan “Pengemis itu yang menyebabkan Muhamad tidak mempunyai wang”.

Akhir sekali, data kelapan menunjukkan kata kerja penyempurnaan “mengepos” telah menyebabkan penerima memiliki kad yang diperoleh daripada orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana kata kerja penyempurnaan tersebut sudah menabirkkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata “mengepos”. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja Penyempurnaan menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Orang ramai yang menyebabkan penerima mempunyai kad” dan “Penerima yang menyebabkan orang ramai tidak mempunyai kad”.

Kesimpulan

Predikat kausatif penyempurnaan dilihat juga mampu untuk tidak menerima imbuhan meN-kan dan -kan bagi menunjukkan unsur „menyebabkan“ menjadi. Hal ini dibuktikan dengan binaan struktur logik yang mendapati Kata Kerja Peralihan Milik berfungsi memberi kausatif bagi kata kerja penyempurnaan dan mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Selain itu, kata kerja penyempurnaan yang ditunjukkan dan ujian parafrasa sudah membawa makna penabiran yang jelas untuk menentukan kata kerja tersebut bersifat kausatif.

Penghargaan

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penyelidikan ini dilaksanakan tanpa sebarang pembiayaan daripada geran luar termasuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS). Walau bagaimanapun, sokongan moral, kerjasama para responden, serta pandangan membina daripada rakan penyelidik amat dihargai dan telah menyumbang secara signifikan kepada penyempurnaan kajian ini.

Rujukan

- Bustaman, M. M., & Yusof, M. (2011). Kata Kerja Semelfactives dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Aktionsart. *Jurnal Linguistik*, 14(1), 1–17.
- De Chene, B., & Anderson, S. R. (1979). Compensatory Lengthening. *Language*, 505–535.
- Haji Omar, A. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kelima). Dewan Bahasa Pustaka.
- Karim, N. S., M. Onn, F., Haji Musa, H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa Pustaka.
- Kivinen, V., & Pollari, S. (2018). *Teaching Finnish as a Second Language with New Practice Material* [Bachelor's Thesis]. Laurea University of Applied Sciences.
- Mohammad, S. K. (2004). *Analisis Kausatif Bahasa Melayu Berdasarkan Korpus Menggunakan Pendekatan Minimalis*. 1–271.
- Onn, F. M. (1976). *Aspects of Malay Phonology and Morphology*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pavey, E. L. (2010). *The Structure of Language*. Cambridge University Press.
<https://doi.org/10.1017/CBO9780511777929>
- Valin, R. D. Van. (2005a). *Exploring the Syntax-Semantics Interface*. Cambridge University Press.
- Valin, R. D. Van. (2005b). *Exploring the Syntax-Semantics Interface*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511610578>
- Vendler, Z. (1967a). *Linguistics in Philosophy*. Cornell University Press.
- Vendler, Z. (1967b). *Linguistics in Philosophy*. Cornell University Press.
<https://doi.org/10.7591/9781501743726>
- Yusof, M. (2006a). *Struktur Leksikal Dalam Sintaksis/ Semantik: Kajian Terhadap Kata Kerja dan Preposisi Bahasa Melayu*. 1–329.
- Yusof, M. (2006b). *Struktur Leksikal Dalam Sintaksis/ Semantik: Kajian Terhadap Kata Kerja dan Preposisi Bahasa Melayu* [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Yusof, M. (2009a). Analisis preposisi lokatif bahasa Melayu berdasarkan kerangka Role and Reference Grammar (RRG). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(1).
- Yusof, M. (2009b). Fungsi Frasa Preposisi: Predikatif Lawan Non-predikatif. *Jurnal Linguistik Indonesia*, 2, 197–216.
- Yusof, M. (2021). Analisis binaan kompleks bahasa Melayu berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Melayu. Isu Khas Disember, Isu Khas*, 527–542.
- Yusof, M., A. Razak, R., & Ahmad, Z. (2008a). Pengelasan Kata Kerja Bahasa Melayu Pendekatan Semantik Berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*, 8(2), 242–262.
- Yusof, M., A. Razak, R., & Ahmad, Z. (2008b). Pengelasan Kata Kerja Bahasa Melayu Pendekatan Semantik Berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*, 8(2), 242–262.
- Yusof, M., Jalaluddin, N. H., Ahmad, Z., & Harun, K. (2011). Analisis Semantik Preposisi Daripada dan Hubungannya dengan Kata Kerja. *Jurnal Linguistik*, 12(Edisi Khas), 1–13.
- Yusof, M., Salleh, N., & Harun, K. (2013). Klasifikasi aktionsart predikat keadaan Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 192–216.